

hits



BERAKSI
sempena
Malam Tradisi
Sastera Rakyat

Teater gabungan tiga negeri

PELAJAR-pelajar Kesusastraan Rakyat Melayu Bahasa Moden dan Komunikasi serta Fakulti Pengajian Pendidikan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor akan menganjurkan Malam Tradisi Sastera Rakyat (MTSR) pada 6 Disember ini.

Penganjuran kali ke-31 itu akan membawa penonton menyaksikan satu pementasan teater bangsawan yang membawa tema *Dikir Randai Alang Buana* yang akan dipentaskan di Panggung Percubaan, Pusat Kebudayaan dan Kesenian

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM dari pukul 8 malam hingga 11 malam.

Mengulas mengenai konsep teater pada Ahad ini, Khairul Zainie Jasni selaku ketua publisiti berkata, pementasan yang membabitkan seramai 71 orang tenaga pelajar itu menggabungkan tiga jenis unsur sastera Melayu yang menjadi bahan warisan sejarah negara.

"Atas inisiatif bersama, kami rangkumkan tiga unsur sastera Melayu iaitu dikir barat, tarian randai dan teater Alang Buana.

hits

PARA pelajar menjalani latihan sebelum mengadakan persembahan, pada malam Ahad ini.

“Di mana dikir barat berasal dari Kelantan manakala tarian randai merupakan persembahan teater etnik Minangkabau yang menggabungkan seni muzik, tarian, drama, nyanyian dan pencak silat. Begitu juga Alang Buana yang mempunyai unsur istimewa dari Perlis,” ulasnya.



Menerusi teater *Dikir Randai Alang Buana* ini, penonton bakal menyaksikan sendiri suatu dimensi sastera yang akan menonjolkan pemikiran dan keselarasan menerusi naskhah berkenaan.

Langkah yang dilakukan ini adalah bertepatan dengan sasaran para pelajar

yang mahu memperkasakan seni teater ke seantero dunia dan menarik lebih ramai penonton menyelami setiap elemen seni yang dipersembahkan.

Bagi mereka yang berminat untuk menyaksikan teater ini, jangan lepaskan peluang kerana masuk adalah percuma.

Malam Tradisi Sastera Rakyat Ke-31
"Kanda rela menyerahkan harta tersebut kepada adinda berdua daripada kanda membunuh ayahanda"

Dikir randai alang buana

Penyiar Rasmi: *merit disediakan
*masuk percuma

8.00-11.00 Malam 6 Disember 2015
Panggung Percubaan PKSSAAS UPM
Anjuran Pelajar BBK3305
Kesusasteraan Rakyat Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
dan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM